PROSEDUR MENJALANI LATIHAN ILMIAH FAKULTI PENGAJIAN PERADABAN ISLAM(FPPI) KUIS

FASA 1
CADANGAN PEMILIHAN TAJUK LATIHAN ILMIAH

Setiap pelajar yang berada dalam semester 6 mestilah mengisi dan menyerahkan borang cadangan tajuk latihan ilmiah kepada penyelaras latihan ilmiah setiap jabatan. **Tindakan : Pelajar Sem 6, Penyelaras**
(Tempoh Masa : Minggu Pertama selepas pendaftaran pelajar KUIS)

Pastikan setiap pelajar membeli dan memiliki buku Panduan Penulisan Latihan Ilmiah yang mempunyai pengesahan dari pihak FPPI. Pendaftaran tajuk hanya melalui borang yang terdapat dalam buku tersebut sahaja. Borang tersebut mesti diserah kepada Penyelaras Latihan Ilmiah Jabatan Masing-masing. **Tindakan: Pelajar sem 6, KJ & Penyelaras.**

FASA 2
SESI TAKLIMAT LATIHAN ILMIAH

Sesi taklimat Latihan Ilmiah diadakan dan diberikan oleh penyelaras Latihan Ilmiah mengikut jabatan masing-masing. Penyelaras Latihan Ilmiah perlu memastikan setiap pelajar menghadiri sesi taklimat tersebut. **Tindakan: Pelajar sem 6, KJ & Penyelaras.**
(Tempoh Masa : Minggu kedua selepas pendaftaran pelajar KUIS)

FASA 3
PEMBENTANGAN PROPOSAL LATIHAN ILMIAH

Sesi pembentangan proposal Latihan Ilmiah dijalankan semasa pelajar mempelajari subjek metodologi penyelidikan mengikut jabatan masing-masing. Perlantikan Penyelia latihan Ilmiah pelajar dibuat dan dimuktamadkan oleh Jabatan. **Tindakan : Pelajar Sem 6, Penyelaras, KJ**
(*Tempoh Masa : Minggu yang Ke tiga Kuliah setiap sesi pengajian****)***

FASA 4
PENDAFTARAN KURSUS LATIHAN ILMIAH

Pelajar mendaftar kursus latihan ilmiah pada semester ke tujuh mengikut kod subjek di Jabatan masing-masing (IBUM 4273/IBDP 4233(JDUS) / IBQQ 4353&IDTQ 3231(JTQQ)/IBQK 4173 (JQS). **Tindakan : Pelajar, KJ, BPA**
(*Tempoh Masa : Mengikut tempoh taqwim yang dikeluarkan oleh pihak KUIS****)***

FASA 5
PENGESAHAN TAJUK LATIHAN ILMIAH PELAJAR

Pengesahan Tajuk latihan Ilmiah pelajar dibuat di peringkat Jabatan masing-masing setelah pelajar membuat pendaftaran kursus. Pelajar boleh memulakan penulisan setelah pengesahan tajuk dibuat. **Tindakan: Penyelaras, penyelia, KJ.**
(*Tempoh Masa : Minggu Pertama selepas pendaftaran pelajar****)***

FASA 6
PENULISAN LATIHAN ILMIAH BERMULA

Pelajar mula menulis latihan ilmiah dan menjalani konsultasi dengan penyelia masing-masing.**Tindakan : Pelajar, Penyelia**

(Tempoh Masa : 2 semester pengajian termasuk semester semasa)

FASA 7
PENULISAN LATIHAN ILMIAH TAMAT

Tempoh penulisan Latihan Ilmiah telah tamat. Sila pastikan pelajar telah menyempurnakan penulisan latihan ilmiah mengikut buku panduan penulisan ilmiah FPPI.**Tindakan : Pelajar, Penyelia**
(Selepas dua semester pengajian pelajar)
*Sekiranya pelajar **GAGAL** menyiapkan penulisan latihan ilmiah dalam tempoh masa dua semester, mereka dibenarkan melanjutkan penulisan sehingga tempoh maksimum empat semester.*

FASA 8
PENYERAHAN MARKAH LATIHAN ILMIAH PELAJAR

Penyerahan borang markah latihan ilmiah pelajar oleh setiap penyelia kepada penyelaras latihan ilmiah setiap jabatan. Setiap borang markah yang diserahkan perlu sediakan oleh penyelia, disemak oleh penyelaras dan disahkan oleh KJ. **Tindakan : Penyelia, Penyelaras & KJ**
(Tempoh Masa : Dua minggu selepas tamat peperiksaan akhir semester)

FASA 9
PENGESAHAN MARKAH LATIHAN ILMIAH PERINGKAT FAKULTI

Markah diserahkan oleh penyelia kepada penyelaras jabatan masing-masing. Seterusnya, penyelaras memasukkan markah ke dalam system e-campus, kemudian dibuat pengesahan di peringkat fakulti. **Tindakan: Penyelaras, Ketua Latihan Industri & TDA FPPI**.
(Selepas berakhirnya Fasa penyerahan markah Latihan Ilmiah pelajar)

FASA 10
DOKUMENTASI ISO (PENYIMPANAN MARKAH LATIHAN ILMIAH)

Markah yang telah dibuat pengesahan di peringkat fakulti perlu disimpan oleh penyelaras Latihan Ilmiah setiap Jabatan dalam fail khusus untuk tujuan dokumentasi.